

**JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTRI
BRUNEI DARUSSALAM**

JKN/BPEA/SH/B/2025-2026(6)

SEBUTHARGA:

**KERJA-KERJA PEMASANGAN SEWA PENTAS (PLATFORM) DAN
KEM SEMPENA UPACARA TAHUN UNDANG-UNDANG TAHUN 2026
DI BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI-MAHKAMAH BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN.**

PERATURAN YANG PERLU DIPATUHI OLEH KESEMUA PEMBORONG/SYARIKAT YANG IKUT SERTA:

- A. Kadar harga adalah termasuk membekalkan semua tenaga buruh yang mencukupi dan berkebolehan/berkepakaran, peralatan yang bersesuaian/berkaitan dan apa jua jenis/kaedah pengangkutan yang diperlukan untuk menyempurnakan kerja-kerja yang sebutkan di bawah.
- B. Syarikat adalah dikehendaki secara mandatori untuk menghadiri sesi penerangan yang akan diadakan pada 13 Oktober 2025 jam 9:30 pagi di lobi utama, Mahkamah Tinggi-Mahkamah Besar (sebarang perubahan jika ada akan dimaklumkan melalui lama sesawang rasmi Jabatan Kehakiman Negara).
- C. Pemborong/syarikat yang terpilih adalah dihendaki menyediakan polisi insuran atas pekerja-pekerja/buruh yang diatitkan serta dikehendaki mematuhi piawaian yang telah di tetapkan oleh S.H.E.N.A (Safety, Health and Environment National Authority) dan agensi-agensi teknikal Kerajaan yang berkaitan.
- D. Pemborong/syarikat yang terpilih adalah juga dihendaki membaik pulih keatas prasarana bangunan yang terganggu/mengalami kerosakan semasa perlaksanaan projek dan dikehendaki menjaga kebersihan tapak projek dengan memastikan kesemua sepihan/kekotoran/sisa-sisa/tumpahan dibersihkan dengan kaedah sewajarnya dan membuangnya ke tempat pembuangan sampah milik syarikat atau mana-mana tempat pembuangan yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan.
- E. Pemborong/syarikat yang terpilih adalah dihendaki membekalkan waranti bahan yang telah dipasang/dibekalkan (jika berkaitan).
- F. Kegagalan syarikat/pemborong yang terpilih menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan denda yang berpatutan atau tegahan dari mengikuti sebarang sebutharga mahupun tawaran Kerajaan.
- G. Peraturan sebutharga ini adalah dilindungi oleh Undang-Undang Negara Brunei Darussalam dan mana-mana pertaturan yang berkaitan.

BIL	KETERANGAN	KUANTITI	UNIT	KADAR	JUMLAH
	MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN SEWA BAGI:				
1	<i>Pyramid Tentage</i> dengan ciri-ciri berikut :- i. Warna putih ii. Sukatan yang difikirkan 60 kaki panjang x 25 kaki lebar x 15 kaki tinggi. iii. Pemasangan <i>scallops</i> dan alas <i>column</i> bewarnakan tema kuning, putih dan hitam iv. Pemasangan <i>canopy</i> untuk laluan menuju kem (dianggarkan 20 kaki x 10 kaki) v. Kanvas hendaklah dalam keadaan bersih dan kemas dipasang vi. Pemberat yang bersesuaian bagi meneguhkan lagi kem tersebut	1	LOT	\$	\$
3	Kipas angin dan <i>wall mounted industrial fan (heavy duty)</i> . Kadar termasuk kerja-kerja pemasangan, pendawaian, <i>extension</i> dan apa jua berkaitan agar ianya beroperasi dengan lancar.	10	UNIT	\$	\$
4	Pentas yang difikirkan berukuran 60 kaki panjang x 25 kaki lebar x 15 kaki tinggi untuk dipasang dengan <i>pyramid tentage</i> . Kadar termasuk juga kerja-kerja pemasangan karpet merah (dengan penutup) yang ditusuk dengan paku khas bagi memastikan karpet berkenaan teguh dah rapi. (penutup karpet akan dibuka pada hari sebelum acara)	1	LOT	\$	\$

5	Tangga kayu (3 steps) yang tebal dan kukuh termasuk pemasangan karpet merah yang ditusuk dengan paku khas dengan teratur dan rapi. <i>(penutup karpet akan dibuka pada hari sebelum acara)</i>	1	NOS	\$	\$
6	Banquet chairs yang teratur dan sesuai serta tidak ada sebarang kecacatan.	100	NOS	\$	\$
7	Banquet table termasuk alas dan skirting yang bersesuaian. <i>(contoh / pilihan reka bentuk diperlukan bagi tujuan pemilihan)</i>	6	NOS	\$	\$
8	Cocktail table termasuk alas dan skirting yang bersesuaian. <i>(contoh / pilihan reka bentuk diperlukan bagi tujuan pemilihan)</i>	7	NOS	\$	\$
JUMLAH KESELURUHAN				\$	
Sebutharga ini hendaklah dihadapkan sebelum hari Selasa 30 Oktober 2025 tidak lewat jam 2:00 petang di peti sebutharga, Pintu D, Jabatan Kehakiman Negara. Tempoh untuk menyelesaikan projek tersebut adalah 14 hari dari tarikh menerima surat lantikan atau pesanan pembelian dari Jabatan.					
NAMA:					COP SYARIKAT
TANDATANGAN:					
NAMA SYARIKAT:					

BORANG SEBUTHARGA

Kepada: **Pengurus**
Jawatankuasa Sebutharga,
Jabatan Kehakiman Negara,
Jabatan Perdana Menteri,
Brunei Darussalam.

Tarikh: _____

Tuan,

Setelah meneliti Dokumen Sebutharga, **KAMI** yang bertandatangan di bawah ini, mengambil maklum dan bersetuju untuk menghadapi tawaran “**KERJA-KERJA PEMASANGAN SEWA PENTAS (PLATFORM) DAN KEM SEMPENA UPACARA TAHUN UNDANG-UNDANG TAHUN 2026 DI BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI-MAHKAMAH BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN.**” selaras dengan Lukisan, Spesifikasi serta apa-apa jua keperluan berkaitan yang disampaikan melalui sesi penerangan yang dihadiri dengan jumlah

Ringgit Brunei: _____

(BND\$ _____)

Kami **bersetuju dan berkesanggupan** untuk mematuhi Sebutharga ini bagi tempoh **Sembilan (9) Bulan** dari tarikh akhir penyerahan sebutharga dan ianya akan tetap mengikat kami dan boleh diterima pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh tersebut.

Kami selanjutnya **bersetuju** untuk melaksanakan semua kerja yang dinyatakan oleh Sebutharga ini dalam tempoh **7 hari** dari tarikh pemilikan tapak atau penerimaan pesanan pembelian rasmi Kerajaan / surat lantikan.

Kami **mengambil maklum** bahawa Kerajaan tidak akan sekali-kali terikat untuk menerima Sebutharga terendah atau mana-mana Sebutharga yang difikirkan tidak berpatutan/munasabah.

Tarikh _____ 2025

Tandatangan : _____

Nama : _____
[Dalam Kapasiti Pemilik]

Diberi Kuasa Sewajarnya untuk menandatangani Sebutharga untuk dan bagi pihak

Nama Syarikat: _____

Cop Syarikat: _____

Alamat: _____

Saksi: _____

Tandatangan: _____

BILANGAN SEBUTHARGA: JKN/BPEA/SH/B/2025-2026 (6)

SEBUTHARGA BAGI:

**KERJA-KERJA PEMASANGAN SEWA PENTAS (PLATFORM) DAN
KEM SEMPENA UPACARA TAHUN UNDANG-UNDANG TAHUN 2026
DI BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI-MAHKAMAH BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN.**

Peraturan Dan Keperluan:

1. Sebut harga ini dibukakan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai **Sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah** di Negara Brunei Darussalam.
2. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak Akan terikat untuk menerima sebutharga yang termurah atau mana-mana sebutharga yang tidak berpatutan.
3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhak untuk membatalkan atau mengubah jumlah skop sebutharga yang dibukakan.
4. Sebutharga ini akan ditutup pada hari **30 Oktober 2025** Sebelum **jam 2.00 petang** dan mana-mana sebutharga yang dihadapkan lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira tidak sah.
5. Syarikat-syarikat yang ikut serta dalam sebutharga ini hendaklah menyertakan bersama :-
 - A. Salinan Sijil Pendaftar Syarikat, Profil Syarikat dan alamat Persuratan yang betul dan sah serta nombor talian talipon dan fax.**
 - B. Salinan Pendaftaran Kontraktor – Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (ABCI)**
 - C. Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Certificate of Tax Compliance) terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.**
6. Sebutharga bersama pecahannya yang dihadapkan oleh Syarikat-Syarikat berkenaan hendaklah dinyatakan dengan jelas dan teratur iaitu dalam kadar matawang **Ringgit Brunei (B\$)**.
7. Syarikat yang ikut serta dalam sebutharga ini di kehendaki untuk mengisikan **Borang Pengakuan Integriti (Integrity Declaration Form)** yang menyatakan tiada ikatan dengan mana-mana Syarikat yang ikut serta dalam sebutharga ini.

8. Syarikat-syarikat yang ikut serta adalah terikat dengan jumlah nilai sebutharga bersama pecahannya (per item) yang telah dihadapkan dan nilai tersebut tidak boleh diubah oleh Syarikat berkenaan tanpa persuratan rasmi yang sah.
9. Syarikat-Syarikat adalah **dikehendaki** untuk menghadiri **Sesi Penerangan (Information Session)** bagi sebutharga berkenaan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh Jabatan ini bagi mendengar penerangan lanjut yang disampaikan oleh pihak Bahagian Perkhidmatan Estet dan Aset Jabatan Kehakiman Negara. **Kegagalan** untuk menghadiri sesi penerangan akan menyebabkan **pembatalan secara automatik** bagi sebutharga yang dihadapkan.
10. Syarikat yang telah dilantik dan diataskan bagi melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan sebutharga berkenaan adalah dengan serta merta terikat kontrak dengan pihak kerajaan selama tempoh kontrak perkhidmatan yang telah ditetapkan dan jika sekiranya Syarikat yang telah dilantik tidak berkesanggupan untuk meneruskan perkhidmatan kontrak selama tempoh yang diberikan dan hendak mengundur diri atas sebab-sebab alasan yang tidak munasabah, maka Jabatan ini tidak teragak-agak untuk membuat teguran secara betulis **Senarai Hitam (Blacklist)** kepada Syarikat berkenaan atas kegagalan tidak mematuhi peraturan mahu pun piawaian yang telah ditetapkan oleh kerajaan.
11. **Tempoh sahlaku** sebut harga yang perlu diberikan oleh Syarikat-syarikat yang ikut ialah tidak kurang dari **9 Bulan**.
12. Syarikat-syarikat adalah **tidak berhak** untuk menyerahkan kerja tersebut kepada satu pihak yang lain (**Sub Contract**) bagi pelaksanaan semua atau mana-mana bahagian tersebut.
13. Skop kerja berkenaan yang telah dicadangkan dan telah diatur tempat-tempat sebutharganya oleh pihak Syarikat-Syarikat hendaklah menepati skop dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam sebutharga dan mana-mana alternatif dan perubahan pada spesifikasi yang dicadangkan oleh syarikat-syarikat hendaklah dinyatakan dengan jelas dan teratur di dalam sebutharga yang dihadapkan.
14. Alat-alat barang yang dicadangkan yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat berkenaan hendaklah sekurang-kurangnya menepati skop dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam sebutharga dan mana-mana alternatif dan perubahan pada spesifikasi yang dicadangkan oleh syarikat-syarikat hendaklah dinyatakan dengan jelas dan teratur didalam sebutharga yang dihadapkan.
15. Syarikat yang berjaya adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan ke semua skop kerja dalam tempoh **14 hari** iaitu dari tarikh surat pengesahan penerimaan sebutharga dikeluarkan oleh pihak Kerajaan.

16. Bagi menjamin pelaksanaan kerja setiap pekerja hendaklah memiliki Permit Kerja (bagi pekerja yang datang dari luar Negara) dan dilindungi oleh insuran.
17. Kerajaan berhak menegur, membantah dan mengarahkan kontraktor untuk menukar / membuang pekerja yang didapati berkelakuan tidak sopan atau pada pendapat Kerajaan tidak layak atau cuai dalam melaksanakan tugas kerja mereka. Setiap pekerja Kontraktor yang ditukar atau diberhentikan hendaklah diganti serta-merta dengan pekerja berkeelayakan tertakluk kepada kebenaran Kerajaan.
18. Kontraktor hendaklah memastikan yang semua pekerja kontraktor sentiasa kemas dan berpakaian seragam. Pakaian seragam pekerja kontraktor hendaklah dibubuhkan dengan nama Syarikat pada pakaian tersebut.

19. **Peralatan-Peralatan, Kelengkapan dan Perkakas,**

- 19.1 Kontraktor hendaklah membekalkan semua peralatan yang diperlukan dan bersesuaian dengan skop kerja yang efektif dan diluluskan oleh kerajaan.

20. **Elektrik Dan Air (Jika Perlu)**

- 20.1 Elektrik dan air yang diperlukan untuk kerja-kerja pembaikan disediakan secara percuma oleh Kerajaan. Kontraktor hendaklah berusaha untuk mengelakkan penyalahgunaan dan pembaziran keistimewaan ini dengan menjimatkan penggunaan elektrik dan air bagi keperluan-keperluan yang tertentu sahaja sepertimana dalam skopkerja sebutharga dengan memastikan semua peraturan-peraturan hendaklah dipatuhi oleh pekerja-pekerja berkenaan sepanjang tempoh pelaksanaan diberikan.
- 20.2 Penyambungan ke soket elektrik (Electric Socket) hendaklah dibuat menurut peraturan-peraturan dan langkah-langkah keselamatan yang sedang berkuatkuasa. Apa-apa kerosakan ke atas pendawaian dan pemasangan-pemasangan elektrik pada bangunan ini akibat dari **kecuaian / kesalahan** pekerja kontraktor sewaktu dalam pelaksanaan akan dipertanggungjawabkan ke atas kontraktor berkenaan.
- 20.3 Pemakaian air melalui penyambungan sementara oleh pihak kontraktor hendaklah memastikan peralatan yang digunakan seperti hos hendaklah dalam keadaan baik dan tidak bucor dan juga peralatan-peralatan yang lain.

21. Keselamatan

21.1 Atas sebab-sebab keselamatan, kontraktor hendaklah mendaftar pekerja-pekerja pada setiap masa kepada Kerajaan seperti berikut:

- i. Nama
- ii. Alamat
- iii. Nombor Kad Pengenalan
- iv. Kerakyatan
- v. Jantina dan Umur

22. Atas Kepentingan keselamatan, Kerajaan berhak untuk mengarahkan pekerja kontraktor yang berkenaan untuk diberhentikan untuk melakukan kerja tersebut atas sebab-sebab tertentu sebagai tidak layak atau tidak sesuai untuk diambil bekerja di dalam atau luar bangunan atau kawasan bangunan.
23. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk mengambil segala langkah-langkah keselamatan bagi menghindari bahaya terhadap pekerja-pekerja, kakitangan kerajaan, orang awam dan harta benda yang berada di dalam dan luar bangunan Kerajaan.
24. Papan-papan tanda amaran dan alat-alat penghadang (pagar, papan tanda amaran dan sebagainya) hendaklah dipasang semasa melaksanakan kerja-kerja yang boleh mendatangkan bahaya kepada keselamatan kakitangan kerajaan yang bekerja dan juga orang awam yang berada di bangunan kerajaan. Papan-papan tanda amaran dan penghadang yang digunakan hendaklah pada ukuran yang bersesuaian bagi menarik perhatian orang ramai dan kakitangan kerajaan dan hendaklah mengandungi perkataan seperti **“Bahaya”**, **“Jangan Dekat”**, **“Awas!”**, **“Kerja Sedang Dilaksanakan”** dan sebagainya menurut kesesuaian untuk kerja-kerja yang sedang dilaksanakan.
25. Peraturan dan keperluan yang disebutkan diatas adalah dijaga dan dilindungi oleh Undang-Undang Negara Brunei Darussalam (Laws of Brunei).